

KEMATIAN

**AL-FATIHAH**



**ALLAHYARHAMHA**  
HAJJAH HALIJAH BTE HAJI ALI  
Umur: 66  
Telah kembali ke Rahmatullah pada 22 March 2016 (Pagi) bersamaan 13 Jamadilakhir 1437H

Pihak keluarga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua saudara mara dan sahabat handai di atas sumbangan dan kehadiran mereka sehingga jenazahnya selamat dikebumikan. Bagi pihak Allahyarhamha, kami memohon maaf atas segala kesalahan dan kesilapan dan halalkan segala makan dan minum semasa hayatnya. Semoga Allah S.W.T. mencucuri rahmat ke atas rohnyanya dan mengampuni dosa-dosanya. *Amin.*

Mohamed Jamin dan anak-anak  
Tel: 9730 4212 / 9826 6029

1860 PENGARAH/ PERKHIDMATAN JENAZAH

**SINGAPORE MUSLIM CASKET**

Yang TULEN Sejak 1973

PENGURUSAN YANG CEKAP, TEPAT, PROFESSIONAL SYARIKAT TUNGGAL MENGGUNAKAN BAS JENAZAH BESAR

Servis 24 Jam

HJ AZIZ KAJAI HP: 96232464  
ISKANDAR HP: 96347145  
64407259 (24 JAM)

**JASA BUDI Muslim Casket**

KHIDMAT JENAZAH YANG PROFESSIONAL LENCAHP & CEMERLANG

Since 1999  
(Kami juga mengurus jenazah luar negeri)

HJ SALLEH 96574198  
Hj Jameela 96935885

1860 PENGARAH/ PERKHIDMATAN JENAZAH

**URUSAN JENAZAH AL-KHAYRAT**

9386 1597 / 9326 4598

- Pengurusan Lengkap dari Rumah & Hospital.
- Nasihat Sebelum / Sesudah Kematian.
- Menghantar Doktor Bagi Pengesahan Kematian.

24 JAM

**URUSAN JENAZAH MAJAL HIJRAH**

Pakej lengkap & Juru Mandi L/P Berpengalaman

Panggilan 24 Jam

Hj Osman 9227 1868  
Puan Kattijah 9199 1078  
Mak Eton 9655 9177  
Samad 9666 3430

## Pengumuman Kematian

Kami bersedia membantu anda.

Untuk membantu kami memproses iklan pengumuman anda dengan cepat, sila bawa bersama anda:

- Gambar arwah (300 dpi).
- Sijil Kematian.
- Kad Pengenalan orang yang menempah iklan.
- Butir-butir untuk iklan pengumuman anda, termasuk senarai nama ahli keluarga serta butir pengebumian.

### UNTUK MENEMPAH IKLAN

#### Klassified Hotline

Hubungi : 1800-289-9988  
Isnin - Jumaat : 8.30pg hingga 5ptg  
Sila hubungi talian kami dan emel gambar dan dokumen kepada pegawai yang berkhidmat.  
Bayaran dengan kad kredit.

#### Kaunter Servis

News Centre, 1000 Toa Payoh North, S(318994)  
Isnin - Jumaat : 8.30pg hingga 5ptg  
Sabtu, Ahad, Cuti Umum : 12.30thg hari hingga 5ptg  
Tiada Juruwang selepas 5ptg, bayaran selepas 5ptg hanya menggunakan kad kredit, NETS atau cek.  
Tempahan selepas 5ptg untuk iklan esok hari, bergantung pada terdapatnya ruang iklan yang kosong.

Berita Harian • Berita Minggu  
**KLASSIFIED**

## TEMPAH IKLAN KEMATIAN SECARA ONLINE

[www.sphobit.com.sg](http://www.sphobit.com.sg)

Siarkan iklan Kematian, Takziah, Pemberitahuan dan Dalam Kenangan dalam The Straits Times dan Berita Harian pada bila-bila masa sahaja dengan 5 langkah mudah.

- Daftar.
- Buat Pemilihan.
- Tulis.
- Serahkan Dokumen.
- Bayar.

Untuk pertanyaan, sila hubungi 6319 5192 untuk bercakap dengan wakil kami.

Berita Harian • Berita Minggu  
**KLASSIFIED**  
MEMBELI • MENJUAL • MENCARI

## Sukan

# Kayuh beca demi amal, kembalikan nostalgia

MENGIMBAS kembali kenangan silam apabila diberi peluang menaiki beca mengelilingi kawasan perumahan di Kim Keat Avenue.

Selain itu, raut wajah kegembiraan penghuni dari rumah kebajikan orang tua, Adventist Home for the Elders (AHE), dapat dilihat sewaktu acara mengumpul dana bagi rumah kebajikan tersebut pada Ahad lalu.

Sekitar 20 sukarelawan, terdiri daripada belia, telah menjayakan acara geganti beca yang diberi nama 'I Ride For A Cause'.

Mereka mengayuh beca tersebut di sekeliling kawasan Toa Payoh East sepanjang laluan 400 meter di depan Golden Clover, Blok 196 Kim Keat Avenue, dan melakukan sebanyak 88 pusingan.

Menerusi acara itu, penjurug berjaya mengumpul sebanyak \$90,050 – lebih daripada sasaran awal sebanyak \$88,000 – dan masih terdapat sumbangan yang dijangka diterima daripada penderma.

Turut hadir menjayakan acara tersebut selaku tetamu terhormat ialah Anggota Parlimen GRC Bishan-Toa Payoh, Encik Saktiandi Supaat, yang berkata acara yang menunjukkan semangat kemasyarakatan itu mengembalikan kenangan silam.

"Acara ini membawa kembali nostalgia dan ia satu acara yang baik bagi menunjukkan semangat kemasyarakatan."

"Ramai penduduk hadir bagi me-



**KAYUH BECA UNTUK AMAL:** Encik Saktiandi tidak mahu melepaskan peluang mengayuh beca bagi membantu mengumpul dana untuk rumah kebajikan orang tua, Adventist Home for the Elders, di acara yang diadakan Ahad lalu. – Foto ZAINAL YAHA

ngumpul dana rumah tumpangan dan kebajikan di kawasan perumahan mereka, dan golongan muda juga turut bersama dalam memberi sumbangan mereka," kata Encik Saktiandi.

Selain acara mengayuh beca terda-

pat juga karnival dan kegiatan serta permainan lama diadakan.

Pengerusi AHE, Encik Wan Kwong Weng, berkata:

"Kami begitu teruja dengan hasilnya dengan golongan muda kita bersama

membantu dan memastikan semua penumpang yang terdiri daripada warga tua mempunyai pengalaman menarik.

"Ia mengajar kita agar berinteraksi dan meluangkan masa dengan warga tua dengan cara yang berbeza."

## Harga COE ditutup bercampur

PREMIUM Sijil Hak Memiliki Kenderaan (COE) kebanyakannya ditutup rendah antara lima kategori semalam dalam proses bidaan terkini.

Bagi kereta Kategori A, atau yang mempunyai 1600 cc ke bawah dengan kuasa kuda tidak melebihi 130 bhp, premium telah ditutup pada \$45,504, me-

ningkat daripada \$45,000 dalam bidaan sebelum ini.

Premium bagi kereta yang lebih besar dan lebih kuat dalam Kategori B jatuh sebanyak \$1,102 – daripada \$47,604 kepada \$46,502.

COE bagi kategori terbuka, yang boleh digunakan bagi sebarang jenis

kenderaan tetapi digunakan terutama sekali untuk kereta besar, turun kepada \$46,667 daripada \$48,002.

Premium bagi kategori motosikal mencatatkan peningkatan sebanyak \$86 dan ditutup pada \$6,589 iaitu meningkat daripada \$6,503 pada bidaan sebelum ini.

COE bagi kenderaan komersial termasuk kenderaan barangan serta bas telah mencatatkan penurunan yang paling ketara. Ia jatuh daripada \$48,890 kepada \$46,502, penurunan sebanyak \$2,388.

Sebanyak 7,894 tawaran telah diterima dengan kuota COE sebanyak 4,249.

## Aduan iklan menghina dalam talian meningkat

PENGGUNA telah menimbulkan lebih banyak keprihatinan mengenai iklan dalam talian yang menghina tahun lepas, walaupun jumlah maklum balas mengenai iklan jatuh secara keseluruhan.

Lembaga Piawaian Pengiklanan Singapura (Asas) telah menerima sebanyak 272 maklum balas pada 2015, berbanding 273 pada 2014 dan 307 pada 2013. Ini termasuk pertanyaan, nasihat pengiklan dan aduan yang bersifat pengguna-kepada-perniagaan atau perniagaan-kepada-perniagaan.

Maklum balas mengenai iklan dalam talian meningkat seganda daripada 45 pada 2014 kepada 91 tahun lepas.

Sesetengah pengguna terkeliru dengan diskaun serta harga yang tidak seperti yang diiklankan, manakala iklan lain menggambarkan produk secara palsu atau membuat tuntutan yang dipersoalkan.

Peningkatan dalam maklum balas seperti itu mungkin disebabkan oleh pengguna yang menggunakan lebih banyak masa pada alat mudah alih, yang mendedahkan mereka kepada lebih banyak iklan dalam talian, kata Pengerusi Asas, Profesor Tan Sze Wee.

Beliau berkata terdapat lebih banyak iklan di laman web, saluran media sosial dan surat elektronik kerana lebih ramai yang mengusahakan perniagaan mereka dalam talian.

Sesetengah peniaga mempunyai kepercayaan yang salah bahawa Kod Amalan Pengiklan Singapura tidak dikenakan pada iklan dalam talian, katanya.

"Asas ingin menekankan bahawa (kod) ini dikenakan kepada iklan di semua media, termasuk komunikasi elektronik dan laman web. Premis utama (kod) adalah bahawa semua iklan mesti sah, baik, benar dan jujur," katanya.

Tahun lepas, terdapat 13 maklum balas mengenai iklan menghina, meningkat daripada enam pada 2014. Ini termasuk iklan oleh kedai makan Over-Easy Orchard di Liat Towers di Orchard Road yang memaparkan tiga wanita hampir tidak berpakaian yang mendedahkan punggung mereka dengan slogan: "Roti seksi. Dua lebih baik dari satu. Pukul (smack that). Ogos 2015".

Asas telah mengarahkan supaya iklan tersebut diturunkan.

### DARI MAHKAMAH

## Pasangan mengaku salah biarkan amah kebulur

PASANGAN yang dituduh mendera pembantu rumah dengan membiarkannya kebuluran selama hampir 15 bulan sehingga berat pembantu rumah hanya 29 kilogram mengaku bersalah semalam.

Lim Choon Hong dan isteri Chong Sui Foon, kedua-duanya 47 tahun, masing-masing menghadapi tuduhan di bawah Akta Pengambilan Tenaga Kerja Warga Asing kerana tidak menyediakan makanan yang cukup kepada Cik Thelma Oyaswan Gawidan, yang kehilangan hampir 20 kilogram sepanjang bekerja dengan pasangan tersebut selama 15 bulan.

Cik Thelma hanya diberikan beberapa keping roti dan mi segera dua kali sehari selama setahun.

Mahkamah diberitahu bahawa Cik Thelma mula menyedari berat badan beliau semakin menurun dua minggu selepas beliau mula bekerja dengan pasangan tersebut.

Kedua-duanya juga menjadi teruk seperti tidak berdaya dan keguguran rambut disebabkan oleh kekurangan zat makanan.

Beliau kemudian meminta makanan lebih kerana sentiasa berasa lapar, tetapi Chong sering tidak menghiraukan permintaannya.

Apabila Cik Thelma meminta kepa-



**MENUNGGU HASIL PENILAIAN PSIKIATRI:** Kes Chong Sui Foon (kiri) dan suaminya, Lim Choon Hong, yang mendera pembantu rumah mereka akan disebut semula pada 22 April sementara menunggu hasil penilaian psikiatri. – Foto THE STRAITS TIMES

da Lim pula, beliau memberitahu tidak ingin campur tangan.

Dengan tiada akses kepada telefon bimbit serta hanya dibenarkan berkomunikasi dengan agensi pekerjaan melalui mereka, Cik Thelma tidak dapat meminta bantuan sesiapa dan akhirnya melarikan diri mencari perlindungan di HOME, sebuah pertubuhan kebajikan bagi pekerja asing.

Sebelum ini Lim mendedahkan ba-

hawa isterinya mengalami OCD (kecelaruan obsesif kompulsif) dan mempunyai sejarah Anorexia Nervosa (masalah pemakanan).

Kes mereka seterusnya akan disebut semula pada 22 April, sementara menunggu hasil penilaian psikiatri yang mereka sedang jalani.

Lim dan Chong, yang mempunyai empat anak, boleh dihukum penjara sehingga 12 bulan dan/atau didenda sehingga \$10,000.

## Tempoh acara bebas kenderaan Ahad ini lebih panjang

ACARA kedua bebas kenderaan yang dipanggil Car-Free Sunday SG akan berlangsung Ahad ini.

Jalan raya di Daerah Sivik dan beberapa bahagian Kawasan Pusat Bandar (CBD) akan ditutup buat jangka masa yang lebih panjang berbanding sebelum ini kepada kenderaan dan akan dikhususkan kepada pejalan kaki, mereka yang berlari-lari anak dan penunggang basikal.

Menurut kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh pelbagai agensi pemerintah semalam, pelbagai kegiatan mesra keluarga serta acara sukan akan diadakan di ruang bersebelahan.

Jalan raya akan ditutup agak lewat

sedikit dengan tempoh yang lebih lama iaitu dari 7.30 pagi hingga 10 pagi berbanding 7 pagi hingga 9 pagi bagi acara yang lalu.

Laluan bagi acara berjalan, berlari dan berbasikal kini akan merangkumi Esplanade Drive, membentuk laluan sepanjang lima kilometer – yang terdiri daripada St Andrew's Road, Stamford Road, Esplanade Drive, Fullerton Road, Shenton Way dan Robinson Road.

Jalan di Robinson Road, Shenton Way dan Fullerton Road akan ditutup dari 7.30 pagi hingga 10 pagi manakala jalan di St Andrew's Road, Stamford Road dan Esplanade Drive akan

ditutup dari 7.30 pagi hingga 12 tengah hari.

Jalan raya di Connaught Drive akan ditutup dari 7.30 pagi hingga 7 malam bagi mengacarakan pelbagai kegiatan dan acara sukan masyarakat.

Dibawakan oleh Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA), Penguasa Pengangkutan Darat (LTA), Lembaga Taman Negara (NParks), Majlis Seni Kebangsaan (NAC), Lembaga Penggalak Kesihatan (HPB) dan Sukan Singapura (SportSG), Car-Free Sunday SG akan diadakan pada Ahad terakhir setiap bulan selama enam bulan bermula dari Februari hingga Julai 2016.